

# Tak ada tempat bagi Razaleigh

UM 12 MAR 1988

**A**LUR SETAR 11 Mac — Tengku Razaleigh Hamzah dan orang-orang yang terlibat dengan usaha membentuk “UMNO Malaysia” selepas UMNO diharamkan tidak ada tempat di dalam UMNO (baru), tegas

Oleh Mat Piah Teh Deris

**Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini.**

Bagaimanapun orang-orang yang terpengaruh dan menjalankan dakyah bagi kumpulan tersebut masih ada tempat dan akan diberi peluang untuk menjadi ahli UMNO (baru) itu walaupun tidak menjadi ketua bahagian

atau cawangan.

“Kita tidak mahu ada lagi pengkhianat - pengkhianat di dalam UMNO,” ujar beliau.

Berucap dalam perjumpaan dengan kira-kira 5,000 orang penyokong UMNO (baru) dari seluruh Kedah di Dewan Datuk Syed Omar di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menolak satu kenyataan menuduh bahawa taat setia bagi menjadi ahli UMNO (baru) merupakan taat setia kepada beliau (Dr. Mahathir) dan menyifatkan ia sebagai fitnah semata-mata.

“Yang ada ialah taat setia kepada parti,” tegas Dr. Mahathir.

Mengulas percubaan bagi menghalang penubuhan UMNO (baru), Datuk Sri Dr. Mahathir, memberi jaminan bahawa “kita akan berjuang habis-habisan bagi menubuhkan UMNO baru,” supaya menjadi satu pertubuhan politik yang lebih berkesan.

Presiden UMNO (baru) itu juga yakin seluruh orang Melayu akan menyokong penubuhan UMNO (baru) yang akan ditentukan berjalan dengan licin dan baik.

“Kita akan susun dengan baik dan tentukan tidak ada tindakan mahkamah. Kita akan pastikan UMNO

**LIHAT MUKA 21**

# Tak ada tempat — Dr. M

(baru) mengikut undang-undang negara ini," tegas beliau.

Beliau menegaskan bahawa UMNO (baru) bersih dari sebarang kekotoran dan bukan ditubuhkan semata-mata untuk team 'A' atau team 'B'.

Mengulas langkah baru jawatankuasa penaja UMNO Malaysia cuba menyekat penubuhan UMNO (baru) dengan mengemukakan tindakan mahkamah seperti kenyataan Datuk Rais Yatim semalam, beliau menyatakan "mereka boleh sekat pendaftaran UMNO (baru) tapi mereka tidak boleh sekat hati kita."

"Walaupun tak ada UMNO, kita tetap UMNO juga," ujar beliau.

"Dulu dia kata tak ada buat rayuan. Bila tak dapat tubuh parti baru dia bawa ke mahkamah," tambahnya sambil menyifatkan usaha menubuhkan parti baru (UMNO Malaysia) dibuat secara tergesa-gesa sedangkan UMNO lama belum dibatalkan lagi pendaftarannya. Mengenai borang dan syarat-syarat

menjadi ahli UMNO (baru), Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu borang-borang yang disediakan istimewa dari dulu di mana mereka yang memohon menjadi ahli mesti ada gambar, nombor kad pengenalan dan sebagainya supaya ia dapat ditubuhkan dengan sempurna.

Bersabit dengan harta UMNO yang bernilai lebih \$1,000 juta dan hutang ibu pejabat UMNO berjumlah \$360 juta sekarang, beliau menjelaskan bahawa harta tersebut dipegang oleh Pemegang Amanah Raya. Menurutnya, mengikut perkiraan Pemegang Amanah Raya semua hutang tersebut akan dicampurkan dan UMNO sekarang mempunyai hutang yang cukup besar yang akan dibahagikan kepada tiap-tiap ahli UMNO seramai 1.4 juta orang di seluruh negara. Dalam hubungan ini, beliau berharap UMNO (baru) perlu mendapat suara yang besar untuk berunding dengan Pemegang Amanah Raya dan tidak perlu ditentukan tiap-tiap 1.4 juta orang ahli UMNO itu.